

Pendekatan perlu untuk mengkomersialkan produk penyelidikan

KOTA KINABALU: Satu pendekatan yang lebih tersusun termasuk menubuhkan agensi kerajaan tertentu hendaklah dirangka dalam membantu mengkomersialkan produk penyelidikan Malaysia bertaraf dunia pada masa akan datang.

Naib canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Tan Sri Dr Abu Hassan Othman berkata agensi berkenaan dan sektor swasta boleh bekerjasama dalam merealisasikan hasrat itu.

Produk penyelidikan yang menang hendaklah di lihat sebagai satu penghasilan yang menguntungkan untuk dikomersilkan daripada membiarkan setiap universiti mencari jalan sendiri untuk tujuan itu.

"Sebab itu terdapat keperluan mencari mekanisme baru untuk menyelaras mengkomersialkan produk itu," kata beliau kepada pemberi-

ta selepas merasmikan pameran produk penyelidikan yang menang yang dihasilkan oleh penyelidik UMS pada Pameran Ciptaan Antarabangsa ke-32, Geneva 2004 baru-baru ini.

Katanya universiti di Malaysia sudah banyak memenangi pingat emas pada pameran di Geneva ini.

"Apa yang saya lihat di Geneva ialah terdapat penyelidik pemangkin yang benar dan tersusun dengan golongan industri, usahawan yang berminat meneroka pengkomersialkan produk kemenangan ini", kata beliau.

Abu Hassan berkata banyak pertanyaan mengenai produk kemenangan diterima daripada pihak berkenaan di Geneva tetapi dukacita ia tidak dapat dipenuhi kerana universiti tidak ada kemampuan.

Dalam hubungan ini, beliau mencadangkan satu infrastruktur dan institusi baru diperlukan dengan menumpukan fokusnya mengenai hasil produk penyelidikan.

"Sebagai contoh, dalam kes (UMS) yang menang satu emas, lima perak dan satu gangsa dan daripada perbincangan di Geneva, terdapat tiga atau empat produk ini seperti — Twist Your Mind Mathematical Games — yang mudah dimajukan untuk dikomersilkan jika ada infrastruktur dan rancangan yang strategik dalam melaksanakan projek ini," kata beliau.

Abu Hassan berkata ini merupakan cabaran besar jika universiti berkenaan di Malaysia mahu melihat lebih banyak produk penyelidikan yang dihasilkan rakyat negara ini dikomersilkan.

Pada pameran antarabangsa itu, UMS mem-

perolehi tujuh anugerah termasuk satu emas yang dihasilkan oleh Prof Madya Dr Mohamad Abdul Mannan.

Mohamad telah mencipta isi rong kelapa sawit kosong yang dibuat daripada buang sisa pepejal pertanian untuk bahan pembinaan dinding bagi rumah murah.

Penyertaan pada pameran di Geneva pada masa akan datang, Dr Abu Hassan berharap UMS yang diwujudkan 10 tahun lepas akan terus bersinar dalam bidang penyelidikan antarabangsa menjadikan universiti itu sebagai salah satu universiti inovatif di dunia.

Ada beberapa lagi ciptaan yang dibuat oleh UMS dan diharap akan memberikan impak yang besar pada pameran akan datang di Geneva, kata beliau.